

Media Title : Utusan Borneo Sabah  
Headline : Pengurus syarikat rugi lebih RM100,000 diperdaya sindiket penipuan  
Date : 5 September 2024  
Section : Nasional  
Page : 4



## **Pengurus syarikat rugi lebih RM100,000 diperdaya sindiket penipuan**

**KUANTAN:** Seorang pengurus syarikat kerugian RM108,750 selepas diperdaya dengan sindiket penipuan yang menyamar sebagai pegawai Kementerian Komunikasi dan pegawai polis.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata lelaki berusia 38 tahun itu diperdaya kononnya terlibat dengan kegiatan pengubahan wang haram.

Beliau berkata mangsa mendakwa menerima panggilan telefon daripada 'Pegawai Kementerian Komunikasi' pada Isnin lepas, menyatakan mangsa terlibat dalam kes pengubahan wang haram dan kemudian dirujuk kepada seorang 'pegawai polis'.

"Suspek menyatakan akan membantu mangsa membersihkan wang dalam akaun simpanan melalui bantuan Bank Negara Malaysia. Mangsa kemudian memberikan maklumat perbankan dalam talian miliknya kepada suspek bagi tujuan siasatan.

— Bernama